

# Sikap majlis dibidas

15 MAR 1992

KUALA LUMPUR: Tindakan Majlis Peguam yang tidak berganjak dengan resolusi 1988 yang tidak mengiktiraf Tun Abdul Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara pada persidangan tahunannya semalam, membuktikan sikap majlis itu yang tidak mahu mengiktiraf keseluruhan sistem perundangan negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata beliau sudah menjangka keputusan itu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sampai bila Majlis Peguam akan bertindak 'memulaukan' Abdul Hamid dan Ketua Hakim Negara lain yang akan dilantik oleh kerajaan kelak.

"Saya tidak tahu macam mana mereka (ahli Majlis Peguam) boleh pergi ke mahkamah sedangkan mereka tidak menghormati Ketua Hakim Negara," katanya kepada pemberita selepas mengisytiharkan pelancaran Kejohanan Polo Antarabangsa 1992, di Kelab Equestrian Bukit Kiara,

di sini, semalam.

"Nampaknya pada masa ini kalau kerajaan nak melantik Ketua Hakim Negara, kita mesti tanya Majlis Peguam sama ada mereka bersetuju atau tidak.

"Jadi kita mungkin pula kena pinda perlembagaan supaya ia sesuai dengan kehendak Majlis Peguam dalam melantik hakim dan Ketua Hakim Negara," katanya.

Beliau berkata, apabila keadaan seperti itu berlaku, ia akan memperlihatkan seolah-olah dua pihak mentadbirkan sistem

perundangan negara ini iaitu undang-undang itu sendiri dan Majlis Peguam.

"Jadi secara tidak langsung menunjukkan bahawa Majlis Peguam lebih tinggi daripada undang-undang dan Perlembagaan. Saya tidak tahu di mana ada keadaan seperti ini diamalkan di dunia ini," katanya.

Sehubungan itu beliau menyelar majlis itu yang begitu bising memperkatakan soal demokrasi sedangkan mereka berpendapat Majlis Peguam berhak menentukan ha-

kim yang akan dilantik.

"Apa maknanya ini! Mereka yang bercakap pasal kebebasan demokrasi dan menghormati undang-undang sedangkan mereka sendiri turut campur tangan dalam soal perlantikan Ketua Hakim Negara," katanya.

"Apakah hakim mesti selalu patuh pada Majlis Peguam atau pun hakim itu bebas?" ujarnya.

Mengenai perletakan jawatan Presiden Majlis Peguam, Manjeet Singh Dhillon, beliau berkata, beliau tidak mengetahui mengenainya.